



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGETAHUAN TENTANG UNDANG-UNDANG PENYALAHGUNAAN
DADAH DAN MODAL SOSIAL DALAM RAWATAN PEMULIHAN
PELATIH DI KOTA BHARU KELANTAN, MALAYSIA***

ABDUL HALIM SIDEK

FEM 2016 26



**PENGETAHUAN TENTANG UNDANG-UNDANG PENYALAHGUNAAN
DADAH DAN MODAL SOSIAL DALAM RAWATAN PEMULIHAN
PELATIH DI KOTA BHARU KELANTAN, MALAYSIA**

Oleh

ABDUL HALIM SIDEK

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGETAHUAN TENTANG UNDANG-UNDANG PENYALAHGUNAAN
DADAH DAN MODAL SOSIAL DALAM RAWATAN PEMULIHAN
PELATIH DI KOTA BHARU KELANTAN, MALAYSIA**

Oleh

ABDUL HALIM SIDEK

Oktober 2016

Pengerusi : Profesor Madya Sarjit Singh A/L Darshan Singh, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Masalah penyalahgunaan dadah yang meruncing di Malaysia dilihat telah memberi ancaman serius kepada keselamatan negara dan impak negatif terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara. Peranan pembangunan komuniti dalam memulihkan masalah penyalahgunaan dadah adalah penting terutamanya melibatkan aspek sokongan komuniti. Permasalahan dalam kajian secara khusus mengkaji reaksi para pelatih terhadap undang-undang penyalahgunaan dadah yang berasaskan perkongsian modal insan. Kajian ini meneroka pengetahuan penagih tentang undang-undang penyalahgunaan dadah di Malaysia. Di samping itu, mengenalpasti elemen modal sosial dalam kalangan pelatih yang berada di Klinik Cure & Care 1 Malaysia, Kota Bharu. Kajian ini juga menjelaskan tanggapan penagih dadah terhadap keberkesanan undang-undang penyalahgunaan dadah di Malaysia. Disamping itu juga kajian ini menghuraikan keberkesanan undang-undang penyalahgunaan dadah di Malaysia seterusnya menghuraikan usaha yang telah dilakukan untuk pemulihan penyalahgunaan dadah yang berasaskan modal sosial. Tesis ini dilaksanakan ke atas pelatih yang telah menerima rawatan pemulihan dadah di Klinik Cure & Care 1 Malaysia Kota Bharu, Kelantan. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual mendalam berasaskan protokol temu bual semi berstruktur. Hasil kajian menunjukkan pelatih mempunyai pelbagai bentuk pengetahuan tentang undang-undang penyalahgunaan dadah. Para pelatih juga mempunyai pandangan yang khusus terhadap undang-undang penyalahgunaan dadah di Malaysia sama ada positif atau negatif. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa keberkesanan undang-undang penyalahgunaan dadah melalui tafsiran hukuman dalam peruntukan undang-undang dalam kalangan pelatih adalah kurang berkesan dan faktor penentu keberkesanan undang-undang penyalahgunaan dadah adalah lemah. Kajian mendapati kelemahan modal sosial memberi kesan kepada pelatih dalam penyalahgunaan dadah sebagai pengedar dan pesalahguna dadah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga modal sosial yakni ibu bapa, ahli keluarga dan rakan pelatih mendorong kepada usaha-usaha pemulihan dalam penyalahgunaan dadah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**KNOWLEDGE ON DRUG ABUSE LAWS AND SOCIAL CAPITAL IN
REFORMING TRAINEES AT KOTA BHARU KELANTAN, MALAYSIA**

By

ABDUL HALIM SIDEK

October 2016

Chairman : Associate Professor Sarjit Singh A/L Darshan Singh, PhD
Faculty : Human Ecology

The alarming problem of drug abuse in Malaysia is seen to have given acute threats to national security and negative impact on the socio-economic development of the country. The role of community development in convalescing the problem of drug abuse is particularly imperative when it involves the support of the community. Problems in the study specifically examined the reactions of the trainees against drug abuse laws based on social capital sharing. This study explores knowledge of trainees about the law of drug abuse in the country. In addition, the study also seeks to identify elements of social capital among the trainees who were at the Klinik Cure & Care 1 Malaysia, Kota Bharu. It also explains the perception of the trainees on the effectiveness of drug abuse laws in Malaysia. Further, this study also describes the effectiveness of drug abuse laws in Malaysia and consequently depicts the efforts that have been made to alleviate drug abuse problem based on social capital. This thesis is carried out on trainees who had been receiving treatment and rehabilitation at Klinik Cure & Care 1 Malaysia Kota Baharu, Kelantan. The approach of the study is carried out by using a qualitative approach using in-depth interview method based on semi structured interview protocol. The results show the trainees have various forms of knowledge about drug abuse law. The trainees also have developed specific views on drug abuse laws in Malaysia, whether positive or negative. The study also shows that through the interpretations of various punishments imposed as provided in the drug laws that the effectiveness of the laws are somewhat less effective. It follows that the factors deciding the effectiveness of drug abuse laws is weak. The study also finds that weaknesses in social capital influence the trainees as drug abusers and distributors. Results also showed that three social capital primarily parents, family members and fellow trainees lead to recovery efforts in drug abuse.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang menganugerahkan kekuatan kudrat, ketabahan dan kesabaran sehingga dapat menyiapkan tesis Ph.D. Dalam kesempatan yang terbatas ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada insan-insan yang telah memberikan dorongan dan semangat yang tidak berbelah bagi dalam masa perjuangan menyiapkan tesis.

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai kepada para penyelia tesis, Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh selaku penyelia utama dan Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Asnarulkhadi Abu Samah dan Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Haslinda Abdullah selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang penuh dedikasi dan sabar memberi tunjuk ajar, dorongan, bimbingan serta panduan intelektual tanpa jemu sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Ucapan teristimewa ditujukan khas buat isteri tercinta YBhg Profesor Dato' Hajjah Noor Aziah Mohd Awal yang sentiasa menjadi pencetus inspirasi, pembakar semangat serta iringan berkat doa yang menjadi tunjang kepada kekuatan ketika saat mengharungi rintangan kesukaran. Kepada kedua-dua anakanda saya yang menjadi penambat kasih-sayang keluarga iaitu Nurul Haziqah Abdul Halim dan Azim Al Fikri Abdul Halim yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dan semangat untuk berjuang dalam menyiapkan tesis. Berbagai cabaran dan dugaan kita tempuhi bersama anakanda ku berdua khususnya anakanda ku Nurul Haziqah yang berjuang mengharungi dugaan kesihatan yang getir dan genting, Alhamdulillah kini sihat dan meneruskan kehidupan mu bersama kami. Ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan, ilham mahupun berkongsi buah fikiran terutamanya Dr. Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, UUM. Staf dan pelatih di Klinik Cure &Care 1 Malaysia, Kota Bharu, pihak AADK yang memberikan kerjasama yang tidak terhingga bagi melaksanakan kajian ini. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada staf di pejabat Sekolah Pengajian Siswazah/SGS, UPM yang banyak memberikan bantuan kepada saya sepanjang pengajian saya di UPM.

Ikhlas daripada,

Abdul Halim Sidek
No 30, Jalan 7/1 D 5
Seksyen 7, Bandar Baru Bangi 43650
Selangor

16 Februari 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sarjit Singh A/L Darshan Singh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Haslinda Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Abdul Halim Sidek / GS25247

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : _____
Jawatankuasa : Profesor Madya
Penyeliaan : Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh

Tandatangan : _____
Nama Ahli : _____
Jawatankuasa : Profesor Madya
Penyeliaan : Dr. Asnarulkhadi Abu Samah,

Tandatangan : _____
Nama Ahli : _____
Jawatankuasa : Profesor Madya
Penyeliaan : Dr. Haslinda Abdullah

KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xii

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang kajian	1
1.2	Penyataan masalah	8
1.3	Persoalan kajian	14
1.4	Objektif kajian	14
1.4.1	Objektif Umum	14
1.4.2	Objektif khusus	14
1.5	Skop dan batasan kajian	14
2	TINJAUAN LITERATUR	16
2.1	Pengenalan	16
2.1.1	Konsep Modal Sosial	16
2.2	Reaksi Pelatih Terhadap Undang-Undang	21
2.2.1	Reaksi Pelatih terhadap undang-undang penyalahgunaan dadah	21
2.2.2	Pengalaman undang-undang penyalahgunaan dadah di Malaysia	24
2.3	Modal Sosial Pelatih Dalam Pemulihan Penyalahgunaan Dadah	26
2.3.1	Definisi modal sosial	26
2.3.2	Penagihan dadah dan reaksi kelompok dalam pemulihan	28
2.3.3	Modal sosial dalam pemulihan dadah	29
2.4	Peranan Modal Sosial dalam Membentuk Perkongsian Antara Pelatih	32
2.5	Pendayaupayaan Pelatih Melalui Modal Sosial	35
2.5.1	Definisi pendayaupayaan dan penyertaan	35
2.5.2	Kepentingan pendayaupayaan dalam komuniti	37
2.5.3	Pendayaupayaan pelatih di pusat pemulihan	38
2.6	Rumusan	39
3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Pendekatan Kajian	41
3.2.1	Pendekatan kualitatif	42
3.3	Reka Bentuk Kajian	43

3.4	Lokasi Kajian, Sampel, Unit Analisis, Saiz Sampel dan Pensampelan Kajian	44
3.5	Kaedah Kajian	45
3.5.1	Kaedah temu bual mendalam	46
3.5.2	Kumpulan Berfokus	47
3.5.3	Analisis kandungan	48
3.6	Merekodkan Data	48
3.6.1	Merekod temu bual mendalam dan kumpulan berfokus	48
3.6.2	Merekod analisis kandungan	49
3.7	Analisis Data	49
3.8	Melaporkan Hasil Kajian	50
4	HASIL PERBINCANGAN KAJIAN	51
4.1	Pengenalan	51
4.2	Profil Informan	51
4.2.1	Informan A	52
4.2.2	Informan B	52
4.2.3	Informan C	53
4.2.4	Informan D	53
4.2.5	Informan E	54
4.2.6	Informan F	54
4.2.7	Informan G	55
4.3	Pengetahuan Tentang Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	56
4.3.1	Pengetahuan tentang undang-undang penyalahgunaan dadah	56
4.3.2	Hukuman yang paling memberi kesan	63
4.4	Menelusuri pengetahuan tentang elemen modal sosial dalam kalangan pelatih Di Malaysia	67
4.4.1	Menelusuri pengetahuan tentang elemen modal sosial antara pelatih	67
4.4.2	Kepercayaan antara Pelatih dengan Staf di Klinik Cure & Care 1 Malaysia	72
4.5	Tanggapan Terhadap Keberkesanan Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	76
4.5.1	Meneroka perasaan pelatih semasa menjalani hukuman	81
4.6	Keberkesanan Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	89
4.6.1	Penguatkuasaan Undang-undang Penyalahgunaan Dadah	90
4.7	Usaha Pemulihan Penyalahgunaan Dadah Berasaskan Modal Sosial	99
4.7.1	Penguatkuasaan dan Modal Sosial	99
4.7.1.1	Penglibatan sebagai pengedar dan faktornya	100
4.7.1.2	Penglibatan sebagai penagih dan faktornya	102
4.7.2	Reaksi Modal Sosial Terhadap Penglibatan Informan dalam Penyalahgunaan Dadah	106

4.7.3	Usaha untuk Pemulihan dari Penyalahgunaan Dadah	111
4.7.3.1	Modal sosial yang membantu untuk pulih	111
4.7.3.2	Keberkesanan pendekatan untuk pemulihan	114
4.8	Rumusan	118
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	120
5.1	Objektif pertama : Mengupas Pengetahuan Pelatih Tentang Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	120
5.1.1	Rumusan berdasarkan objektif kajian	121
5.1.2	Implikasi terhadap dasar dadah kebangsaan dan teori hukuman	121
5.1.3	Cadangan Pertama	122
5.1.4	Cadangan Kedua	123
5.1.5	Rumusan kedua	123
5.1.6	Cadangan ketiga	124
5.1.7	Rumusan ketiga	125
5.1.8	Cadangan keempat	125
5.1.9	Cadangan Kelima	126
5.2	Objektif Kedua: Menelusuri Pengetahuan Tentang Elemen Modal Sosial Dalam Kalangan Pelatih di Klinik Cure & Care 1 Malaysia	126
5.2.1	Rumusan berdasarkan objektif kajian	126
5.2.2	Implikasi terhadap pusat pemulihan bagi penagih dadah di Malaysia	127
5.2.3	Cadangan	128
5.3	Objektif Ketiga : Menjelaskan Tanggapan Pelatih Terhadap Keberkesanan Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	128
5.3.1	Rumusan berdasarkan objektif kajian (a)	128
5.3.2	Implikasi rasuah terhadap agensi penguatkuasa	129
5.3.3	Cadangan	129
5.3.4	Rumusan berdasarkan objektif kajian (b)	130
5.3.5	Implikasi terhadap modal sosial	130
5.3.6	Cadangan kedua	131
5.4	Objektif Keempat: Meneroka Keberkesanan Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	132
5.4.1	Rumusan berdasarkan objektif kajian (a)	132
5.4.2	Implikasi terhadap hukuman yang dikenakan terhadap penyalahguna dadah	134
5.4.3	Cadangan	135
5.4.4	Rumusan berdasarkan objektif kajian (b)	136
5.4.5	Implikasi terhadap pihak penguatkuasa dalam penguatkuasaan undang-undang penyalahgunaan dadah	138
5.4.6	Cadangan	139
5.5	Objektif KeLima: Menghuraikan Usaha Yang Telah Dilakukan Untuk Pemulihan Penyalahgunaan Dadah Yang Berasaskan Modal Sosial	139

5.5.1	Rumusan	140
5.5.1(a)	Penglibatan sebagai pengedar dadah dan faktornya	141
5.5.1(b)	Penglibatan sebagai penagih dan faktornya	141
5.5.2	Reaksi Modal Sosial Penglibatan Informan dalam Penyalahgunaan dadah	142
5.5.2.1	Implikasi terhadap modal sosial dalam usaha pemulihan penyalahgunaan dadah	143
5.5.3	Usaha untuk Pemulihan dari Penyalahgunaan dadah	144
5.5.3.1	Implikasi terhadap Usaha untuk Pemulihan	145
5.5.3.2	Keberkesanan Pendekatan untuk Pemulihan	146
5.5.3.3	Implikasi terhadap pihak kerajaan dan pembuat dasar	147
5.5.3.4	Cadangan	148
5.6	Prospek Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan	150
5.7	Penutup	151
BIBLIOGRAFI		153
LAMPIRAN		171
BIODATA PELAJAR		187

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes 2010-2014	3
2	Penagih Yang Dikesan Mengikut Etnik 2010-2014	3
3	Jumlah Penagih Mengikut Umur Tahun 2010-2014	4
4	Jumlah Penagih Dikesan Mengikut Gender 2010-2014	5
5	Jumlah Penagih Menurut Negeri 2010-2014	5
6	Jumlah Penagih Menurut Negeri 2010-2014	6

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Masalah penagihan dadah yang meruncing di Malaysia dilihat telah memberi ancaman serius kepada keselamatan negara dan impak negatif terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara. Justeru itu, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamed pada 19 Februari 1983 telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara. Kesungguhan tersebut dimanifestasikan dengan usaha kerajaan yang menandatangani gerak kerja Majlis Keselamatan Negara dalam Arahan Nombor 13, yang menyatakan dadah mengancam keselamatan negara. Kesungguhan untuk mengatasi masalah dadah kemudiannya ditegaskan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). AADK mendapati penyalahgunaan dadah semakin tidak terkawal dan penyeludupannya mengancam sosioekonomi, kesejahteraan, budaya, rohani serta melemahkan daya tahan dan mengancam keselamatan negara.

Sejarah penyalahgunaan dadah di Malaysia terbahagi kepada dua peringkat, pertama sebelum merdeka dan pasca merdeka. Peringkat pertama dikaitkan dengan kedatangan imigran candu China ke Tanah Melayu, manakala peringkat kedua adalah bermulanya budaya 'hippy' pada tahun 1960-an (Rusdi AR, et. al. 2008). Masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia yang dikesan sejak bermula migrasi tenaga buruh dari negara China ke Malaysia pada zaman perlombongan bijih timah di mana tenaga buruh Cina ini telah membawa budaya penggunaan ganja pada era tersebut (Tong, 1975). Pola-pola buruh dan kedudukan sosio budaya buruh Cina pada abad yang ke-19 yang dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah terikat dengan kongsi-kongsi. (Blythe, 1947). Golongan Cina yang mula-mula memasuki Negeri-negeri Selat digelar sebagai *sinkeh* yang kebanyakannya datang dari Canton, Swatow dan Pulau Hainan serta pelabuhan Amoi, sebuah wilayah dari Fukien.

Pola kehidupan sosial dalam kalangan migran masyarakat Cina pada pertengahan abad ke-20 terikat dengan aspek kepercayaan dan kongsi gelap. Mereka terpaksa patuh kepada ketua kongsi kerana kedatangan mereka ke Tanah Melayu ditandai oleh dua aspek. Pertama; ia berkait rapat dengan soal '*kinship based immigration*' atau imigran yang mementingkan pertalian kekeluargaan serta sistem tiket kredit. Pertalian kekeluargaan dalam kalangan imigran dilihat penting oleh mereka kerana ia dianggap dapat menjamin keselamatan mereka akibat tindakan membelakangkan undang-undang kerajaan di China. Di samping itu, pertalian ini dapat memastikan mereka memiliki sokongan dalam mengharungi pelayaran serta menghadapi suasana yang tidak menentu di negeri baru. Apabila mereka berjaya mendirikan tapak perniagaan di seberang laut, maka mereka akan membawa bersama ahli keluarga untuk menjalankan perniagaan tersebut. Dalam sistem kredit pula, golongan imigran Cina terpaksa bergantung kepada orang tengah atau broker buruh atau *kheh tau* untuk mendapatkan pendahuluan wang dan membawa mereka ke seberang laut. Golongan imigran tiket kredit ini juga dikenali sebagai kuli yang lazimnya ditempatkan di kawasan

perladangan atau kawasan perlombongan bijih timah sebagai buruh. Majikan atau pengusaha akan membayar upah kepada broker berkenaan bagi mendapatkan buruh. Selepas bekerja dalam tempoh tertentu, imigran tiket kredit akan dibebaskan dalam perjanjian dan mereka bebas untuk memilih mana-mana majikan untuk mereka terus bekerja. Pola sistem tiket kredit ini amat popular dan telah berjaya membawa masuk ramai golongan imigran Cina ke Tanah Melayu sebelum tahun 1911. Di samping itu, buruh-buruh terlibat dengan masalah sosial seperti pelacuran dan candu. Buruh-buruh Cina yang rata-ratanya lelaki sering mengunjungi rumah-rumah pelacuran dan rumah-rumah candu. Walau bagaimanapun penyalahgunaan candu dan ganja ketika itu hanya dalam kalangan buruh Cina yang telah berumur dalam lingkungan 50-an (Purcell, 1965).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, masalah penagihan dadah dilihat semakin meruncing pada tahun 60-an dan 70-an apabila tentera Amerika yang berada di Malaysia mengambil dadah sebagai alasan untuk 'berehat' dan 'rekreasi' selepas perang di Vietnam. Golongan belia dan orang muda di Malaysia telah terpengaruh dengan tabiat pengambilan dadah pula melalui gelagat tentera Amerika yang berehat sementara atau transit setelah tamat perkhidmatan di Vietnam. Maka bermula corak pengambilan dadah kepada penyalahgunaan dadah di Malaysia terutama dalam kalangan belia seperti pengambilan heroin, morfin dan lain-lain.

Masalah penyalahgunaan dadah semakin membimbangkan di Malaysia, statistik yang dikeluarkan oleh AADK bagi tahun 1998 hingga 2008 menunjukkan jumlah penagih dadah semakin meningkat iaitu seramai 235,495 orang. Statistik pada tahun 2008 sahaja menunjukkan seramai 5,939 orang penagih baru dan seramai 6,413 orang penagih yang relaps (AADK, 2008). Majoriti daripada penagih dadah yang dikenal pasti telah diletakkan di 28 pusat pemulihan di seluruh negara. Sementara itu, daripada 6,413 penagih telah diletakkan di pusat-pusat pemulihan tersebut pada enam bulan pertama pada tahun 2007 dan sebanyak 654 orang penagih telah dijangkit HIV/AIDS (<http://www.adk.gov.my>). Pada Januari hingga Jun 2010 pula, menunjukkan terdapat seramai 12,079 orang dikesan sebagai penagih baru. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 361.91 peratus berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2009 yang mana jumlah penagih dadah hanyalah seramai 2,615 orang. Berdasarkan maklumat dari AADK bagi tahun 2010, ia menunjukkan secara purata seramai 50 orang penagih baru dan seramai 17 orang penagih relaps setiap hari sepanjang bulan Januari hingga Jun 2010.

Berdasarkan **Jadual 1**, statistik penagihan dadah dari tahun 2010 sehingga 2014 terus memperlihatkan pola meningkat dan tidak menunjukkan penurunan yang signifikan walaupun berbagai perancangan yang telah dilakukan sepanjang jangkamasa tersebut. Walaupun kes baru pada tahun 2010 adalah sebanyak 17,238 kes manakala kes berulang adalah sebanyak 6,404 tetapi pada tahun 2014 kes baru telah menurun sedikit pada 13,605 tetapi kes berulang meningkat kepada 8,172 kes.

Jadual 1 : Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes 2010-2014

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT STATUS KES, 2010-2014			
Tahun	Baru	Berulang	Jumlah
2010	17,238	6,404	23,642
2011	13,683	5,848	19,531
2012	10,301	4,800	15,101
2013	13,481	7,406	20,887
2014	13,605	8,172	21,777

Sumber: Laporan AADK Tahun 2014

Nota:

- i) Data yang dijana adalah menerusi sistem MyAADK dan merangkumi hukuman Seksyen 38B ADB 1952.
- ii) Baru - Penagih yang dikesan kali pertama menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di AADK.
- iii) Berulang - Penagih yang pernah dikesan menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di AADK sebelum ini.

Manakala **Jadual 2** menunjukkan jumlah penagih mengikut komposisi etnik dari tahun 2010 sehingga tahun 2014. Berdasarkan statistik, etnik Melayu mencatatkan jumlah yang tinggi berbanding etnik lain iaitu sebanyak 18,693 orang dan terus kekal tinggi pada tahun 2014 dengan catatan 17,122 orang. Hal ini diikuti dengan etnik Cina seramai 1,828 orang dan India seramai 1,657 orang.

Jadual 2 : Penagih Yang Dikesan Mengikut Etnik 2010-2014

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT ETNIK, 2010-2014							
Tahun	Melayu	Pribumi		Cina	India	Lain-lain	Jumlah
		Sabah	Sarawak				
2010	18,693	456	29	2,279	2,037	148	23,642
2011	15,386	405	63	1,926	1,634	117	19,531
2012	11,612	253	58	1,658	1,419	101	15,101
2013	16,092	467	137	2,081	1,975	135	20,887
2014	17,122	842	180	1,828	1,657	148	21,777

Sumber: Laporan AADK Tahun 2014

Merujuk kepada **Jadual 3**, statistik 2010-2014 menunjukkan taburan umur penagih yang dikesan adalah yang paling ramai dalam kalangan umur belia iaitu dari 20 tahun sehingga 40 tahun. Dalam tahun 2010, julat umur 20-24 tahun dalam kalangan penagih mencatatkan seramai 5,467 orang manakala penagih yang berumur bawah 40 tahun mencatatkan 4,240 orang. Pada tahun 2014, belia berumur 20-24 tahun yang terlibat dengan masalah penagihan dadah adalah seramai 3,751 orang dan penagih bawah umur 40 tahun adalah seramai 5,463 orang.

Jadual 3 : Jumlah Penagih Mengikut Umur Tahun 2010-2014

JUMLAH PENAGIH MENGIKUT UMUR TAHUN 2010-2014										
Tahun	<13	13-15	16-19	20-24	25-29	30-34	35-39	≥40	Tiada maklumat	JUMLAH
2010	3	83	2,610	5,467	4,993	3,002	2,720	4,240	524	23,642
2011	15	55	1,425	4,729	4,490	3,378	2,244	3,043	152	19,531
2012	0	28	855	2,836	3,038	2,711	2,024	3,575	34	15,101
2013	0	18	847	3,212	3,968	4,022	3,191	5,629	0	20,887
2014	0	28	1173	3,751	4,154	3,961	3,247	5,463	0	21,777

Sumber: Laporan AADK Tahun 2014

Jadual 4 : Jumlah Penagih Dikesan Mengikut Gender 2010-2014

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT GENDER, 2010-2014			
Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2010	23,062	580	23,642
2011	19,041	490	19,531
2012	14,662	439	15,101
2013	20,219	668	20,887
2014	21,078	699	21,777

Sumber: Laporan AADK tahun 2014

Jadual 4 menunjukkan dari segi gender penagih yang dikesan meletakkan golongan lelaki kekal sebagai kumpulan yang lebih tinggi berbanding wanita. Pada tahun 2010, seramai 23,062 lelaki dicatatkan terlibat dengan penyalahgunaan dadah berbanding hanya 580 orang wanita daripada jumlah keseluruhan 23,642 orang penagih. Pada tahun 2014 terdapat 21,078 gender lelaki terlibat berbanding hanya 699 orang wanita daripada jumlah 21,777 orang penagih.

Manakala jumlah penagih yang dikesan sejak dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seramai 100,938 orang di seluruh Malaysia. Dari segi pecahan ikut negeri, Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi diikuti dengan Selangor dan Kedah di pantai barat Semenanjung Malaysia sementara negeri Kelantan dan Terengganu pula merekodkan jumlah penagih tertinggi di wilayah pantai timur Semenanjung.

Jadual 5 : Jumlah Penagih Menurut Negeri 2010-2014

Tahun	Pulau Pinang	Selangor	Kedah	Terengganu	Kelantan	Perak	Johor
2010	3,753	3,548	2,507	2,377	2,360	2,296	2,091
2011	2,747	2,026	1,859	2,443	1,475	2,215	1,918
2012	2,286	1,690	1,535	599	942	1,549	1,729
2013	3,043	2,226	2,702	641	895	2,789	1,874
2014	2,780	2,051	2,535	579	1399	2,716	1,992

Jadual 6 : Jumlah Penagih Menurut Negeri 2010-2014

Tahun	WPKL	Pahang	N.Sembilan	Sabah	Perlis	Melaka	Sarawak	Putrajaya	Labuan
2010	1,344	1,198	921	517	354	176	145	45	10
2011	1,013	1,363	840	440	293	538	333	25	3
2012	1,098	1,423	816	262	337	496	312	26	1
2013	1,841	1,621	1,008	513	374	675	650	20	15
2014	1,698	1,903	951	940	499	845	854	16	19

Sementara itu catatan di Sabah dan Sarawak pula masih agak kecil dibandingkan di negeri-negeri lain di Semenanjung. Namun, jumlah penagih di Sabah melonjak naik ke 940 orang pada tahun 2014 dan Sarawak pula seramai 854 orang.

Di Malaysia, rawatan dan pemulihan dadah telah diperkenalkan sejak tahun 1975. Program yang diguna pakai berperanan dalam rehabilitasi merangkumi aspek pemulihan terhadap penagihan dadah. Selepas 35 tahun, kadar penagihan semula dalam kalangan penagih dadah terus menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2008, dari jumlah keseluruhan 15,736 orang penagih dadah, seramai 8,613 orang penagih dadah merupakan penagih relap atau berulang dikesan berbanding 7,123 orang penagih yang baru (Fauziah, Naresh, Bahaman: 2011)

Peranan komuniti dalam memulihkan masalah penagihan dadah di negara adalah penting kerana aspek sokongan lemah komuniti menjadi penyumbang kedua kepada penagihan semula selepas aspek kelemahan jatidiri penagih dadah. 64 peratus menunjukkan penagih dadah beranggapan bahawa mereka tidak diterima oleh anggota masyarakat. 77 peratus menyatakan bahawa masyarakat sering melihat serong terhadap golongan penagih dadah walaupun mereka telah berazam untuk kembali ke pangkal jalan. Manakala 66 peratus merasakan bahawa golongan seperti mereka sering disyaki sebagai penyebab kepada berlakunya sesuatu kes jenayah di mana mereka menetap. Dalam kajian juga menunjukkan bahawa hanya 22 peratus sokongan kuat daripada komuniti masyarakat terutamanya jiran dan ketua-ketua kampung agar mereka pulih dari penagihan dadah (Fauziah, Naresh: 2009). Oleh hal demikian, peranan komuniti adalah penting dalam membantu pemulihan dalam kalangan penagih dadah di negara ini. Disiplin pembangunan komuniti sentiasa berkembang mengikut kesesuaian dan sifat dinamik komuniti dan sosial. Perkembangan tersebut tidak menjejaskan asas disiplin pembangunan komuniti, sebaliknya memperkembangkan lagi konsep dan pendekatan sedia ada mengikut kompleksiti masyarakat semasa (Clarke, Byatt, Hoban dan Powell, 2002). Perkembangan tersebut memperlihatkan sifat dinamik disiplin pembangunan komuniti bagi memahami serta menjelaskan perubahan yang berlaku dalam komuniti dengan mengetepikan halangan-halangan untuk memahaminya secara mendalam.

Antaranya adalah menjelaskan kembali pendekatan atas-bawah (*top down*) dan bawah-atas (*bottom up*). Kedua-dua pendekatan tersebut sering kali dibincangkan sebagai hubungan antara organisasi luar komuniti yang mempunyai autoriti tertentu dan komuniti. Perbincangan dipersembahkan dengan mengutarakan pendekatan yang digunakan untuk saling memberi kesan kepada pihak yang lain. Hubungan tersebut sering dikaji dalam konteks melihat adakah pendekatan tersebut saling berhubungan.

Dalam realiti yang dinyatakan oleh Clarke (2002), komuniti tidak berkembang melainkan dalam kerangka polisi atau perundangan. Justeru, wajar pembangunan komuniti turut dibincangkan dalam kerangka polisi dan perundangan. Namun perbincangan tersebut perlu dibincangkan dalam kerangka disiplin pembangunan komuniti, iaitu tidak terkeluar dalam kerangka menggunakan pendekatan atas-bawah atau bawah-atas.

Antara definisi pembangunan komuniti ialah sekumpulan manusia dalam sesuatu tempat menggerakkan tindakan sosial (iaitu merancang pencegahan) untuk mengubah ekonomi, sosial budaya dan persekitaran mereka (Christenson, Fendley dan Robinson, 1989). Menurut *Standing Conference on Community Development* (1994), pembangunan komuniti merujuk kepada penglibatan aktif manusia dalam isu yang memberi kesan kepada mereka dan proses berkongsi kuasa, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman. Ia juga gambaran kepelbagaian keupayaan penduduk tempatan untuk menggerakkan dan menguruskan sumber untuk mencapai kehendak setempat.

Manakala menurut Diacon dan Guimarães (2003), pembangunan komuniti adalah proses yang menyasarkan pemeraksanaan komuniti yang terpinggir dengan mengawal kehidupan mereka. Ia termasuk membina keyakinan, keupayaan dan mewujudkan kelestarian rangkaian untuk memulihkan struktur sosial, ekonomi dan politik mereka. Menurut Theodori (2008) pula, pembangunan komuniti adalah proses membina, menguatkan dan mengekalkan kesatuan komuniti.

Setelah mempertimbangkan definisi-definisi pembangunan komuniti seperti yang dinyatakan oleh para sarjana, ia jelas menunjukkan bahawa pembangunan komuniti lebih menjurus kepada pendekatan bawah-atas. Dalam menghubungkan antara polisi dan pendekatan bawah-atas, polisi dalam pembangunan komuniti dapat dilihat melalui tindak balas komuniti terhadap sesuatu polisi. Sebaliknya, sekiranya dilihat kesan sesuatu polisi, ia menggambarkan penggunaan pendekatan atas-bawah. Oleh itu perbincangan mengenai tindak balas komuniti menjadi salah satu tumpuan baru dalam disiplin pembangunan komuniti yang bersesuaian dengan sifat dinamik komuniti moden yang semakin didedahkan dengan hak dalam konteks polisi yang berkaitan dengan mereka.

Isu hubungan antara masalah penagihan dadah dan polisi bukan satu perkara yang asing dalam disiplin pembangunan komuniti, kajian pola reaksi komuniti terhadap polisi dalam konteks penglibatan mereka dan perolehan maklumat yang berkaitan yang mengarahkan kepada pembentukan tingkah laku khusus seperti menjauhi dan

tindak balas untuk pulih daripada penagihan dadah. Namun, disiplin pembangunan komuniti menuntut elemen yang lebih khusus, iaitu tindakan yang menggambarkan wujudnya tindakan perkongsian antara ahli komuniti.

1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia, penyalahgunaan dadah dan kesalahan jenayah berkaitan dadah adalah dipandang serius dan mengancam keselamatan negara dan dilihat sebagai suatu bentuk tindakan subversif. Lantaran itu, undang-undang yang lebih ketat berkaitan dadah dari aspek siasatan, penguatkuasaan dan hukuman telah mula diperkenalkan. Maka lahirlah Ordinan Dadah Berbahaya 1952, (FMS Ordinance 30/1952 w.e.f 1.11.1952[L.N 544/52]) semakan tahun 1980 (Akta A491/80) yang kemudiannya menjadi Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dipanjangkan Sabah and Sarawak. Ia merupakan statut utama di Malaysia merangkumi kawalan keatas dadah dari aspek perundangan jenayah, prosedur dan keterangan yang juga mengawal import,eksport, pembuatan, jualan dan penggunaan serta penanaman.

Dari sudut perundangan, masalah ini mendapat perhatian para pengamal perundangan dan menzahirkan rasa kebimbangan mereka. Umpamanya; dalam kes PP melawan Yeoh Eng Khuan (1975), 1 LNS 138:239 Hakim Eusoffe Abdoolcader yang membuat keputusan ke atas kes tersebut menyimpulkan bahawa penyalahgunaan dadah merupakan suatu ancaman dan perlu diatasi. Pencegahan tersebut merupakan kepentingan awam sebagai faktor penting dalam menjatuhkan hukuman. Justeru, mahkamah memutuskan untuk menjatuhkan hukuman berasaskan Akta dadah Berbahaya yang mengenakan hukuman penjara minimum tiga tahun dan maksimum 14 tahun. Yang Amat Arif, Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Eusoffe Abdoolcader didalam kes tersebut telah merakamkan rasa kerunsingan dan khuatir dengan keadaan di mana pengedar dadah telah melibatkan dan mempergunakan kanak-kanak dan orang muda dalam kegiatan pengedaran dadah mereka di dalam penghakiman beliau seperti berikut:

“Drug taking is a menace and drug trafficking and pushing is becoming so rampant. Persons indulging in such activities are a scrounge to society and unless the Courts consider deterrence and the public interest as a vital factor in sentencing, what would result would be a vital license for the kingpins organisations in the drug trade to use young person’s as a front not only in the hope that they themselves would escape punishment but also that the age of these hench-boys would deter the Courts from sending them to prison. Unless the Courts takes a firm stand in the matter the whole purpose of the legislature in enacting in its wisdom S.39 A of the Dangerous drugs Act which imposes a minimum mandatory term of imprisonment of 3 years and a maximum of 14 years would be lost.”

Tambahan pula, jika tiada kawalan terhadap penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah boleh mengancam sosio-ekonomi negara, kesejahteraan spiritual dan budaya semulajadi rakyat dan menggugat ketahanan dan keselamatan negara (Agensi Anti Narkotik Kebangsaan, 1997). YAB Perdana Menteri ketika itu Dr. Mahathir Mohamed kemudiannya telah menandatangani Arahan Majlis Keselamatan Negara no.13, ekoran bertambah serius masalah dadah yang mengancam keselamatan dan integriti pada tahun 1983. Maka pada 19 Februari 1983 suatu Kempen Anti Dadah telah dilancarkan oleh Dr. Mahathir Mohamed. Pada masa yang sama beliau mengisytiharkan serentak dadah sebagai musuh no.1 negara. Namun, antara tahun 1998-2008 jumlah penagih dadah yang direkodkan oleh AADK adalah sebanyak 235,495 kes.

Akta Dadah Berbahaya Malaysia 1952 merupakan undang-undang dadah yang paling ketat di dunia kerana ia memperuntukkan hukuman mati mandatori bagi pengedar dadah. Namun, undang-undang Malaysia bukan terlalu bergantung pada hukuman tersebut, sebaliknya ia juga memperuntukkan hukuman berbentuk rawatan kepada penagih dadah di institusi atau dalam masyarakat berasaskan Seksyen 6 (1), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, (Akta 283).

Kedua-dua undang-undang tersebut memperlihatkan dua pendekatan yang berbeza, namun mempunyai matlamat yang sama, iaitu membanteras penyalahgunaan dadah berasaskan prinsip punitif dan rawatan. Berkenaan dengan prinsip punitif, ia dilaksanakan dengan menghukum pesalah dengan harapan mereka tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut kerana akur dan tunduk pada sekatan yang menyakitkan. Pelaksanaan prinsip tersebut dibuat dengan andaian bahawa penagih dadah adalah masalah dan bukan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan.

Manakala pendekatan rawatan menumpukan kepada andaian bahawa penagih dadah sebagai pesakit. Justeru, hukumannya ialah menggunakan rawatan perubatan dan psikologi yang digunapakai oleh AADK sejak tahun 1983 berasaskan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, (Akta 283) (Mahmood, 2009). Rentetan itu, lebih banyak pusat pemulihan dadah dibina supaya penagih dadah diberi peluang dan membina semula masa depan mereka. Kesungguhan itu ditunjukkan melalui penubuhan 29 buah pusat pemulihan dadah di seluruh negara.

Namun, usaha tersebut kurang mendapat penyertaan penagih dadah secara sukarela, sebaliknya mereka dipaksa untuk ikuti rawatan pemulihan lazimnya melalui perintah mahkamah. Sedar dengan realiti ini, kerajaan melalui agensi tertentu diberi autoriti untuk membawa masuk penagih dadah secara paksa dan mendapatkan rawatan pemulihan. Kaedah ini memaksa penagih dadah untuk menjalani rawatan. Ia bertentangan dengan prinsip pembentukan sesuatu undang-undang, kerana undang-undang dibentuk dan berkembang mengikut pengalaman dan aspirasi masyarakat. Ia juga bertentangan dengan prinsip pembentukan undang-undang berasaskan akar umbi masyarakat sebagai asas dalam memastikan apa jua undang-undang mencapai objektif yang diinginkan. Melalui undang-undang yang dibentuk, ia dapat mencegah kerosakan dan penderitaan.

Oleh itu, hukuman tersebut telah mencapai apa yang ia cuba untuk mengelakkannya (Crombog, 2004). Fitzpatrick (1992) menyatakan bahawa "*Law is a sovereign imperative, yet the expression of a popular spirit*" dan lantaran itu aspirasi komuniti amat relevan dalam memastikan keharmonian dan keamanan sesebuah komuniti tercapai.

Maka adalah jelas bahawa undang-undang dan dasar berkaitan dadah bukan asing dalam pembangunan komuniti. Lantaran itu, dalam membuat sesuatu dasar adalah penting pihak berkuasa mengambil kira kehendak masyarakat keseluruhannya. Oleh itu, adalah penting pembuat dasar melibatkan (*engagement*) masyarakat secara langsung bagi memberikan penderdayaan (*empowerment*) yang lebih melalui kajian kumpulan berfokus dan konsultasi.

Pembangunan komuniti merupakan satu proses berterusan dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Lazimnya, pembangunan komuniti mempunyai tiga elemen penting. Pertama; melibatkan aspek penjagaan kebajikan terutamanya material dan aspek pendidikan dan kesihatan. Kedua; pembangunan sumber, melibatkan peningkatan pengeluaran dan ketiga; pembangunan organisasi melibatkan pemerikasaan sosial serta menumpukan kepada meningkatkan aspek kehidupan komuniti yang lebih baik.

Pembangunan komuniti merupakan satu proses dalam usaha mengubah kehidupan masyarakat ke satu tahap yang lebih baik merangkumi sosial, ekonomi, budaya mahupun persekitaran. Pembangunan yang lebih bersifat penambahbaikan secara berterusan dengan adanya bantuan dari agen-agen masyarakat yang membawa perubahan dalam kehidupan sesebuah masyarakat seterusnya meningkatkan kualiti hidup (Rahim M. Sail & Asnarulkhadi Abu-Samah, 2010).

Dalam kajian ini, pendekatan pembangunan komuniti adalah lebih sesuai kerana ia mensasarkan individu yang berada di luar jangkauan aktiviti dan program di luar arus perdana. Dalam menangani cabaran pembangunan komuniti lazimnya bukan kekurangan daya politik yang akan menghindarkan pembangunan polisi sosial tetapi kelemahan dalam kapasiti dan kekurangan informasi dan data yang boleh menghalang kemajuan. Hal ini memandangkan bahawa undang-undang dibuat berasaskan konteks budaya dan faktor sosial sekeliling sebagaimana yang disarankan oleh Fitzpatrick (2001) "*law is both derived from and constitutive of its surrounding social context.*"

Seterusnya, niat asas dalam mana-mana hukuman adalah untuk menyumbang kepada inisiatif dan usaha dalam mencegah perbuatan jenayah, serta menghormati undang-undang dan memastikan keadilan, keharmonian dan keselamatan masyarakat dengan mengenakan hukuman yang adil terhadap pesalah. Lebih-lebih lagi, hukuman tersebut adalah untuk mengembalikan keadilan kepada pihak yang dizalimi (Doherty, 2004).

Hakikat ini menunjukkan pembentukan sesuatu undang-undang adalah berasaskan realiti masyarakat kerana pembentukannya itu kelak memberi kesan yang mendalam kepada komuniti. Dari kaca mata pembangunan komuniti, pembentukan undang-undang adalah bersifat bawah-atas, kerana ia adalah berasaskan hasil tindak balas komuniti kepada keperluan mereka untuk berasa selamat dalam persekitaran mereka. Ia turut berjaya mendorong manusia untuk takut terhadap hukuman dan cenderung untuk mematuhi (Miether dan Hong Lu, 2005). Di samping itu, kelewatan dalam proses undang-undang untuk mensabitkan seseorang dengan jenayah tertentu menghakis sifat ketepatan dan penyegeraan sesuatu hukuman berat (Miether dan Hong Lu, 2005).

Pendekatan hukuman yang dikenakan pula menganggap bahawa pesalah biasanya seseorang yang rasional, oleh itu mereka mempunyai kesempatan untuk menimbang kos dan kesan sebelum melakukan sesuatu jenayah. Tanggapan ini disokong oleh Beccaria (1775), iaitu perintis kriminologi moden, yang mana tingkah laku jenayah dibuat mengikut kehendak bebas individu. Malah, ia melahirkan sebuah teori yang dikenali sebagai 'letupan jenayah'. Antara kandungannya ialah semua orang menguasai diri sendiri dan bebas untuk bertindak apa yang dia mahu. Oleh itu, penjenayah bertindak berasaskan kesedaran mereka (Paranjape, 2008). Dalam konteks pembangunan komuniti pula, ia selari dengan pandangan Purcell (2012), ahli komuniti lazimnya tahu dan mempunyai pengetahuan tentang apa yang dilakukannya dalam komuniti.

Perlakuan jenayah adalah kesan dari pengaruh persekitaran sosial dengan andaian bahawa manusia merupakan organisma biologi dan cuba menyesuaikan dengan persekitaran tersebut. Begitu dengan pandangan Joyce (2006), yang tidak mempersetujui hukuman dikenakan yang dikaitkan dengan mereka sebagai rasional. Sebaliknya perlakuan mereka sebagai dilihat subjektif faktornya. Justeru, mengeneralisasikan mereka sebagai tahu tentang kesalahan perlu dipertimbangkan kembali.

Sebaliknya, pendekatan pemulihan dilihat sebagai lebih relevan kerana dilaksanakan untuk membaik pulih pesakit dan mengalihkan tekanan yang mereka hadapi (Hudson, 2003). Ia juga memberi tumpuan kepada pesalah untuk membuat perubahan dalaman seperti perubahan nilai-nilai, sikap, moral dan perspektif terhadap kehidupan (Crews dan Gillespie, 2004). Andaian ini mempunyai asas bahawa jenayah merupakan gejala kecelaruan sosial dalam masyarakat, oleh itu ia perlu dirawat dan bukannya diberikan hukuman (Sutherland, 1924).

Berasaskan pendekatan rawatan pemulihan, penjenayah yang telah mendapat rawatan dijangkakan dapat mengasimilasikan kembali ke dalam masyarakat. Proses tersebut membantu mereka untuk belajar cara untuk menangani penglibatan semula, meninggalkan tindakan yang tidak diterima masyarakat dan mengikuti norma-norma masyarakat (Sutherland, 1924). Namun, ia mempersoalkan pula kesediaan masyarakat untuk menerima dan seterusnya membentuk nilai norma yang sesuai kepada penagih dadah untuk pulih dari masalah jenayah mereka. Hal ini kerana, mengatasi masalah

tersebut diberikan sepenuhnya kepada agensi berautoriti seperti AADK, Polis Diraja Malaysia dan agensi yang lain. Pendekatan yang digunakan adalah berasaskan pendekatan atas-bawah. Sungguhpun demikian, sama ada penguatkuasaan atau Akta khususmemperuntukkan hukuman yang berat, penyalahgunaan dadah masih tidak berkurangan malah menunjukkan pola yang semakin meningkat.

Realiti ini menunjukkan seolah-olah akta atau perundangan yang sedia ada tidak dapat mengatasi atau membasmi penyalahgunaan dadah. Pendekatan atas-bawah boleh dikatakan sebagai tidak berjaya mengawal dan membasmi penyalahgunaan dadah. Justeru, pendekatan lain yang berupa bawah-atas boleh dipertimbangkan bagi mengatasi masalah tersebut. Namun, dalam konteks pembangunan komuniti, pendekatan bawah-atas boleh diperincikan sebagai penglibatan komuniti dalam komunitinya bagi mencapai objektif atau keinginan yang sama (Diacon dan Guimarães, 2003).

Walau bagaimanapun, hubungan antara dua perkara tersebut belum dibuktikan secara empirikal. Namun, bayangannya dari hasil kajian penyelidik lain sebelum ini seolah-olah telah menjawab persoalan tersebut secara tidak langsung. Misalnya menurut Purcell (2012) mendapati bahawa adanya hubungan antara pengetahuan dan tingkah laku tertentu. Lantaran itu, hubungan perundangan yang ketat dan penyalahgunaan dadah dapat diperincikan kesan dari kejahilan penagih dadah terhadap pengetahuan tentang akta berkaitan penyalahgunaan dadah.

Menurut Becker (2007), komuniti merupakan kumpulan manusia yang berkongsi kepentingan yang sama, termasuklah berada di suatu tempat yang sama. Bagi Theodori (2008), komuniti merujuk kepada kumpulan manusia yang berkongsi perasaan, identiti yang sama dan dikongsikan melalui interaksi sesama mereka. Manakala bagi Arvanitakis (2009) komuniti merujuk kepada kumpulan yang mempunyai keinginan yang saling memenuhi kehendak yang lain. Justeru, definisi komuniti dapat dikategorikan kepada dua, iaitu komuniti berasaskan lokasi dan komuniti berasaskan kepentingan.

Dalam konteks penagih dadah yang sedang mengikuti rawatan pemulihan dalam sesebuah organisasi, lazimnya rawatan pemulihan yang diberikan dilaksanakan secara berkelompok. Penagih dikelompokkan bersama penagih lain yang turut menjalani pemulihan. Meskipun mereka adalah berasaskan latar belakang yang berbeza, namun penempatan mereka dalam pusat pemulihan telah mencipta nilai yang sama, sama ada secara paksa atau rela, iaitu nilai untuk pulih dari masalah penyalahgunaan dadah.

Menurut Rokiah Ismail (2010), antara faktor kepada keberkesanan sesebuah program pemulihan bergantung pada hubungan antara penagih dalam pusat tersebut. Gambaran ini menunjukkan bahawa elemen 'komuniti' wujud melalui kelompok penagih dadah yang terlibat dalam program pemulihan. Kewujudan 'komuniti penagih dadah' membolehkan proses pemulihan berlaku secara lebih efektif. Realiti ini dinyatakan oleh Fauziah Ibrahim et. al. (2012) berasaskan kajian beliau ke atas remaja yang

mempunyai masalah akhlak. Hasil kajian tersebut menunjukkan masalah tersebut berlaku disebabkan kelompok sesama mereka yang rendah pengetahuan agama dan tidak mampu untuk membentuk tindakan kolektif yang tepat bagi menyedarkan masalah yang dihadapi oleh mereka. Sedangkan masalah tersebut boleh diatasi dengan cara menggunakan 'kekuatan' kelompok mereka dengan saling memberi peringatan.

